

NAMA : _____

KELAS : _____

NOTA RINGKAS PEMBINAAN PROJEK 'KIPAS KINCIR ANGIN'


1. Hari ini, kita akan mempelajari amali bagaimana untuk menghasilkan 'kincir angin ringkas' dari kertas A4. Projek ini menggantikan projek Kipas Solar kerana kekangan pandemik Covid-19. Maka cikgu membuat keputusan untuk menjalani projek ringkas ini dengan sedikit bahan yang perlu disediakan.
2. Penghasilan Kincir Angin ini perlu dipantau oleh penjaga dan orang dewasa semasa mengendalikan peralatan tajam. Utamakan Keselamatan, minta nasihat atau pertolongan jika diperlukan.
3. **Bahan-bahan yang diperlukan ialah :-**
 - a. Kertas A4 – 2 keping
 - b. Gunting/Pisau
 - c. Gam
 - d. Pembaris
 - e. Pensel
 - f. Jarum peniti / Paku Tekan / Pin




4. Di dalam projek ini, anda akan mempelajari tentang :-
 - a. Membina produk yang menggunakan tenaga boleh baharu berdasarkan lakaran dan panduan. (5.1.7)
 - b. Membentangkan produk yang menggunakan tenaga boleh baharu yang dihasilkan. (5.1.8).

5. Berikut merupakan panduan untuk menghasilkan “Kincir angin ringkas”


BAHAGIAN KINCIR ANGIN




1. Lipat kertas A4 kepada segi empat sama.
2. Potong bahagian berlebihan di bawah untuk menjadikan kertas segi empat sama.



3. Garis pada setiap bucu ke bucu untuk mendapatkan titik persilangan di tengah.



4. Buat ukuran sebanyak 8 cm pada setiap bucu menggunakan pembaris.



5. Gunting dari bucu sehingga ke tanda yang dilakukan.



6. Gamkan setiap bucu ke bahagian tengah untuk menghasilkan kincir angin.

Jangan dilipat kertas a4, bentukan sahaja.

BAHAGIAN PEMEGANG KINCIR ANGIN



1. Kertas A4 dilipat secara melintang.
2. Ulang lipatan sehingga 4 kali lipatan.



3. Cantumkan Kincir Angin dan Pemegang menggunakan Pin.
4. Uji 'Kincir Angin' di bawah kipas.
5. Jika Kincir Angin bergerak apabila dipacu oleh angin anda telah berjaya. Tahniah.